

SELEPAS TEMUI MENTERI

Langkah gantungan lesen dibatalkan

ALOR SETAR, Rabu — Kementerian Kerajaan dan Kemudahan Awam telah menarik balik penggantungan lesen kepada enam orang ahli Persatuan Pemborong Binaan Bumiputera Malaysia Cawangan Kedah minggu lalu.

Seorang jurucakap persatuan itu memberitahu hari ini, pembatalan tersebut dibuat selepas satu rombongan ahli jawatankuasa persatuan diketuai oleh Encik Basiron bin Hanaffiah menemu Datuk S. Samy Vellu di kementeriannya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Bellau berkata, dalam pertemuan itu rombongan tersebut mengemukakan laporan tujuh orang ahli persatuan yang telah digantung lesen mereka oleh kementerian berkenaan kerana gagal menyiapkan projek pembangunan dalam tempoh yang ditetapkan.

Pihak persatuan, katanya, mengucapkan terima kasih kepada kementerian tersebut kerana membatalkan tindakan ke atas enam dari tujuh orang yang telah mengemukakan rayuan mereka.

Pembatalan tersebut, jelasnya, memberikan peluang semula kepada mereka meneruskan kerja-kerja pemborongan untuk mencapai matlamat 30 peratus dalam bidang pembangunan.

Menurutnya, mereka itu telah juga diberi kebenaran meneruskan semula pembinaan projek-projek mereka yang telah digantung itu.

Projek-projek tersebut ialah pembinaan sekolah, masjid, surau dan

bekalan air sebahagian darinya dalam kawasan Kubang Pasu yang diwakili oleh Perdana Menteri Datuk Deri Dr. Mahathir Mohamad dan kawasan Alor Merah yang diwakili oleh Ahli Exco Kerajaan Negeri Datuk Abu Bakar Rautin Ibrahim yang juga Pengerusi Hal Ehwal Pemborong Bumiputera Kedah.

Menurut beliau 15 orang ahli persatuan yang terlibat dengan penggantungan itu masih tidak mengemukakan laporan kepada persatuan, setelah diminta berbuat demikian bulan lalu.

Persatuan, ujarnya, tidak akan memberi pembelaan terhadap nasib mereka yang tidak mengemukakan laporan mengenai sebab-sebab kegagalan mereka

melaksanakan projek pembangunan.

Tiap-tiap pembelaan tambahan, adalah berdasarkan laporan yang dikemukakan sebagai panduan untuk tindakan persatuan.

"Saya menganggap mereka yang tidak mengemukakan laporan tersebut tidak memerlukan pembelaan dari persatuan terhadap penggantungan lesen mereka," katanya.

Di samping itu 46 orang yang tidak menjadi ahli persatuan tersebut terlibat dalam penggantungan itu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia